

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 23 NOOR ATHIRAH TERIMA ANUGERAH GEMILANG MEDIA MAY AKRILIK



ALOR STAR, KEDAH, 23 Mei 2017 – Noor Athirah Md Ghazali, pelajar tahun 2, jurusan seni halus di Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM) dinobatkan sebagai penerima Anugerah Gemilang bagi kategori Cat Minyak dan Akrilik dalam Pertandingan Kedahku Indah 2017 yang diadakan baru-baru ini.

"Kemenangan ini adalah bukti semangat dan cinta saya dalam bidang seni lukis dan saya ingin menyeru agar lebih ramai orang dalam apa golongan sekalipun untuk menerokai bidang ini yang mempunyai kebaikan dari segi psikologi, penjelajahan dan juga masa depan," kata Noor Athirah di majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan tersebut.

"Lebih 100 buah karya dipertandingkan dalam pertandingan ini dan alhamdulillah karya saya yang melambangkan identiti negeri Kedah yang tersendiri berjaya memenangi Anugerah Gemilang ini," tambahnya.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Angkatan Pelukis Kedah sempena 40 tahun persatuan tersebut dan mempertandingkan tiga kategori iaitu Cat Minyak/Akrilik, Cat Air dan Campuran.



Noor Athirah membawa pulang sijil penyertaan dan wang tunai berjumlah RM5,000 yang disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Langkawi, Kedah dan juga Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Hal Ehwal Masyarakat, Kerja Raya dan Pelancongan Negeri Kedah, Dato' Mohd Rawi Abdul Hamid.

G+

Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

Client Feedback / Comments (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015